



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PROGRAM ASPIRASI GEMILANG 'A' GREAT EASTERN LIFE CHILDREN CARE**

**DEWAN PERDANA NUR, KPWKM**

**26 SEPTEMBER 2016 (ISNIN)**

### **PENDAHULUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam mesra

1. Pertamanya, Alhamdulillah dan syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNYA dapat kita bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Penyampaian Anugerah Program 'Aspirasi Gemilang 'A' *Great Eastern Life Children Care*' yang diadakan khas untuk meraikan kanak-kanak institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang cemerlang dalam peperiksaan akademik tahun 2015.
2. Saya difahamkan bahawa Majlis Penyampaian Anugerah ini telah masuk tahun ketiga setelah dimulakan pada tahun 2013. Saya percaya majlis penganugerahan ini menjadi satu majlis yang dinanti-nantikan terutamanya bagi anak-anak yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam akademik mereka. Tahniah dan syabas di atas kejayaan anak-anak semua.

### **Peningkatan Prestasi**

3. Saya juga difahamkan sejumlah 108 "A" menerusi 481 org pelajar telah diperoleh bagi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014 pula terdapat peningkatan jumlah "A" yang diperolehi oleh kanak-kanak di dalam peperiksaan utama ini iaitu sebanyak 133 "A" daripada

486 pelajar. Peningkatan yang amat membanggakan adalah bagi tahun 2015 kerana anak-anak kita berjaya memperoleh sebanyak 197 “A” daripada 439 pelajar. Lebih membanggakan kalau dilihat daripada rekod JKM ini, telah terdapat kanak-kanak yang menduduki SPM sedang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi negara.

4. Dengan peningkatan 23% pada tahun 2014 dan 82% pada tahun 2015, dapatan A berbanding tahun mula diadakan program ini pada 2013, kita boleh rumuskan bahawa program bimbingan, majlis pengiktirafan dan hadiah wang ringgit telah **BERJAYA** untuk memupuk semangat anak-anak kita untuk terus maju dan memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan. Kejayaan program ini adalah penting kerana pendidikan merupakan asas kepada semua kejayaan di masa depan.
5. Mesej utama ialah usaha tangga kejayaan dan sungguhpun permulaan hidup mungkin tidak seindah kebanyakan kanak-kanak di Malaysia, ia pasti bukan penentu kepada masa hadapan. Dengan itu, saya amat bangga melihat hasil kerjasama strategik di antara KPWK dan sektor korporat telah membuahkan hasil yang boleh dikatakan “lumayan” bagi negara.

#### **Dasar dan Akta Kanak-Kanak Negara**

YBhg. Dato’, Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati,

6. Jumlah kanak-kanak di negara ini pada tahun 2015 mencecah 10 juta orang atau 32.2% daripada jumlah penduduk Malaysia. Anak-anak ini akan membesar dan bakal mencorakkan pembangunan dan hala tuju negara. Bagi memastikan perkembangan ini sejajar dan komprehensif, Kerajaan telah mengenal pasti dasar, pelan tindakan dan perundangan yang terbaik dilaksanakan bagi memastikan elemen perkembangan, perlindungan, pemeliharaan, pemulihan dan penyertaan kanak-kanak bukan sekadar bicara mulut. Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak, Akta Kanak-kanak 2001 merupakan antara dokumen awal yang diterbitkan setelah Malaysia menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) pada tahun 1995. Ini bermaksud segala akta dan dasar ini telah mengambil kira prinsip-prinsip utama konvensyen berkenaan dan mengikut acuan yang bersesuaian dengan negara kita.
7. Cabaran utama kita adalah untuk memastikan dokumen-dokumen ini kekal relevan. Apatah lagi dengan cabaran dan bentuk jenayah terkini seperti jenayah seksual melalui media sosial, adalah penting agar pindaan kepada Akta Kanak-kanak, semakan semula dasar dan pemantauan pelan tindakan sentiasa dibuat bagi memastikan kanak-kanak terus diberikan persekitaran yang menggalakkan.
8. Adalah menjadi harapan saya agar Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 serta Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak di Alam Siber menjadi pemangkin

kepada kemajuan kanak-kanak secara holistik. Akta Kanak-kanak (Pindaan) telah memperkenalkan konsep baru seperti pemeliharaan berasaskan keluarga, pembantu perlindungan dan perintah khidmat masyarakat serta pelaksanaan Pelan Tindakan Pelindungan Kanak-kanak di Alam Siber yang telah dilancarkan pada tahun 2015 merupakan satu mandat Kerajaan yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dan lapisan masyarakat termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta sektor korporat.

9. Selain perundangan dan polisi, penganjuran program advokasi serta program yang mengkhusus kepada perkembangan dan pembangunan kanak-kanak perlu juga dititikberatkan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan JKM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program-program khususnya kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan penyertaan.

### **Program 'Aspirasi Gemilang 'A'**

YBhg. Dato', Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati,

10. Dalam usaha pengukuhan asas akademik anak-anak dalam institusi, usaha JKM dengan rakan strategik, *Great Eastern Life* harus dipuji kerana telah menganjurkan bengkel teknik menjawab soalan khas yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM serta memberi ganjaran kepada kanak-kanak bagi setiap 'A' yang diperoleh dalam peperiksaan utama.
11. Saya cukup kagum dengan *Great Eastern Life* yang bukan sahaja menyediakan bilik latihan yang sesuai, malah sesi latihan itu dikendalikan oleh pegawai dan staf syarikat berkenaan bersama-sama beberapa guru terlatih bagi memastikan teknik menjawab soalan yang terbaik dapat dikongsi dengan anak-anak kita. Ini bermaksud *Great Eastern Life* bukan sahaja sekadar memberi wang ringgit tetapi melibatkan kakitangan mereka sebagai sukarelawan dan menyuntik semangat kerja sosial di kalangan kakitangan mereka. Syabas saya ucapkan kepada Yg.Bhg. Dato' Koh Yaw Hui dan Pengurusan Tertinggi *Great Eastern Life*. Sesungguhnya *Great Eastern Life* telah menetapkan satu penandarasan yang tinggi untuk pihak korporat lain mengikut jejak yang mulia ini.
12. Zaman menyumbang wang sahaja sudah berlalu dan kini fokus adalah kepada memperkaya masyarakat atau juga dikenali sebagai *community enrichment*. Konsep ini tidak hanya memberi faedah kepada penerima malah juga kepada yang memberi kerana peluang kerjasama ini merapatkan dan memberi pemahaman kepada sektor korporat akan isu sosial yang berlaku di sekeliling dan di kalangan masyarakat umum.

### **Kebajikan Tanggungjawab Bersama**

YBhg. Dato', Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati,

13. Kementerian amat mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk bekerjasama dengan Kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan hidup kanak-kanak.
14. Sebenarnya jalinan perkongsian bijak dan kerjasama strategik di antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”. Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara bersendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak.

### **Penutup**

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Dato’ Koh Yaw Hui, Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di atas sumbangan yang telah diberikan kepada Kementerian.
16. Tidak dilupakan anak-anak yang berada di hadapan saya ini yang saya kasihi dan sayangi sekalian. Tahniah atas kejayaan cemerlang anak-anak semua! Mudah-mudahan kejayaan yang diperoleh pada hari ini akan menjadi titik permulaan kepada kecemerlangan dalam hidup pada masa akan datang.
17. Dengan harapan dan doa agar usaha murni ini mendapat keberkatan Illahi, **dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah ‘Aspirasi Gemilang ‘A’ Great Eastern Life Children Care’.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warrahmatulahi Wabarakatuh.